

04 DEC 1999

Mahathir-Kabinet

KABINET AKAN DIBENTUK SECEPAT MUNGKIN

LANGKAWI, 4 Dis (Bernama) -- Kabinet akan dibentuk secepat yang mungkin, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Secepat yang mungkin, boleh jadi selepas lima hari, 10 hari atau 15 hari," katanya pada persidangan media di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri, tempat berlangsungnya segmen aeroangkasa Pameran Antarabangsa Maritim dan Udara Langkawi (LIMA) '99.

Ditanya sama ada timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan setiausaha agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob menemui beliau di sini semalam bagi membincangkan barisan Kabinet, Dr Mahathir berkata: "Tidak".

Mengenai perkembangan baru politik di Kedah, Dr Mahathir mengesahkan dan menerima permintaan Tan Sri Sanusi Junid untuk tidak dilantik semula sebagai Menteri Besar.

Dr Mahathir berkata Sanusi mengutus surat dan menemui beliau di sini pada Rabu lepas, dan mereka membincangkan mengenai permintaan serta sebab-sebab Sanusi itu.

"Sanusi menyatakan prestasi BN Kedah pada pilihan raya umum yang baru selesai adalah sebagai faktor dan beliau berpendapat beliau tidak melaksanakan tugasnya dengan baik," kata Perdana Menteri.

Barisan Nasional (BN) mempunyai 34 daripada 36 kerusi dewan undangan negeri (DUN) dan semua kerusi parlimen di Kedah sebelum pembubaran DUN dan parlimen.

Bagaimanapun, BN tewas 12 kerusi DUN dan lapan kerusi Parlimen pada pilihan raya umum Isnin lepas.

Ditanya bagaimana Dr Mahathir menilai prestasi Sanusi, beliau berkata: "Saya tidak ada sebarang pandangan."

Perdana Menteri berkata beliau masih belum melantik pengganti Sanusi.

Ditanya mengenai sebilangan anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kedah yang menemui beliau hari ini meminta supaya Sanusi dikekalkan sebagai Menteri Besar, Dr Mahathir berkata: "Ia adalah perkara dalaman."

Mengenai pelantikan Ketua Menteri Pulau Pinang, Dr Mahathir berkata beliau telah menyerahkan surat pelantikan kepada Tan Sri Koh Tsu Koon.

Ditanya mengenai dakwaan Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik bahawa adanya "broker kuasa" di belakang tindakan dua ADUN Gerakan yang keluar parti di Pulau Pinang, Dr Mahathir berkata: "Ia bukan urusan saya."

ADUN Bayan Lepas, Lim Chien Aun dan ADUN Datuk Keramat Lim Boo Chang keluar parti pada Rabu lepas dan kini menjadi anggota Bebas serta mengisytiharkan sokongan terus kepada BN.

Ditanya apa akan berlaku jika kedua-dua ADUN itu menyertai MCA kemudian, yang bertentangan dengan semangat BN, Dr Mahathir berkata: "Ia tidak bertentangan dengan semangat BN tetapi dasar BN tidak menggalakkan sebarang tindakan yang boleh melemahkan gabungan."

-- BERNAMA

TM/JM LAT NAK